

22 OCT, 2022

Kerajaan perlu agresif kuat kuasa Akta Persaingan 2010

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Kerajaan perlu agresif kuat kuasa Akta Persaingan 2010

SAUDARA PENGARANG.

ISU kartel kembali menjadi fokus setelah muka depan *Utusan Malaysia* pada 18 Oktober lalu menyiarkan berita kartel ayam dan telur kembali sibuk mencatu bekalan kedua-dua bahan keperluan itu sehingga menyukarkan orang ramai dan peniaga.

Masalah kekurangan bekalan makanan asas itu sama ada ayam segar atau telur berlaku di seluruh negara dan situasi semakin meruncing apabila banyak kedai mamak tidak lagi menjual roti canai telur kerana terputus bekalan.

Kekurangan bekalan kedua-dua bahan makanan ini yang berlaku di hampir semua negeri didakwa berpunca daripada monopoli syarikat gergasi mencari peluang untuk meraih keuntungan berlipat kali ganda pada musim perayaan dan ketika negara dalam proses memilih kerajaan baharu sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Pada pendapat saya, banyak lagi kartel seperti kartel ayam dan telur beroperasi di Malaysia. Mereka dikatakan menggunakan kedudukan mendominasi pasaran untuk memaksimumkan keuntungan peribadi dengan mengawal penawaran dan harga barangan tersebut. Amalan-amalan ini membebakan pengguna berpendapatan rendah (B40).

Perlu diingat, komitmen menghapus atau menentang institusi kartel seperti ini tidak sama dengan komitmen menghapuskan institusi orang tengah. Dalam sistem pasaran, institusi orang tengah memainkan peranan yang positif dalam menghubungkan pengeluar dengan pengguna.

Yang membezakan kedua-dua institusi ini ialah orang tengah tidak menyalahgunakan kedudukan mereka. Banyak agensi dan institusi kerajaan ditubuhkan untuk memainkan peranan atau fungsi institusi orang tengah dan bukan melawan kartel.

Contohnya, Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA). Fungsi-fungsi asas FAMA menambah nilai pasaran. Mereka berusaha mencapai skala ekonomi besar dengan menyusun dan mengumpul keluaran daripada petani-petani atau pengeluar-pengeluar kecil bagi menjaga kestabilan harga dan pendapatan petani-petani yang rendah.

FAMA juga bertindak memberi keadilan dalam bentuk harga yang adil dan sesuai kepada pengguna. Walaupun tindakan FAMA dalam mengawal penawaran berkesan, mereka tidak mempunyai objektif memaksimumkan harga dan keuntungan peribadi.

Tindakan kartel ayam dan telur ini adalah di luar norma amalan-amalan perniagaan biasa. Mereka mencari jalan mengambil kesempatan daripada kelebihan yang ada bagi mengawal penawaran dan harga untuk memaksimumkan keuntungan peribadi.

Teknik pengawalan penawaran dan harga secara formal bukan sahaja diamalkan oleh kartel. Ada teknik tidak formal mengawal penawaran dan harga dibuat seperti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan perdagangan.

Tindakan mereka menyelaras pengeluaran dan mengawal penawaran serta harga untuk kepentingan ahli-ahli mereka bersifat tidak formal tetapi tetap berkesan.

Oleh itu, komitmen menentang atau menghapuskan orang tengah mestilah merangkumi amalan-amalan tidak rasmi pertubuhan-pertubuhan perdagangan ini.

Kerajaan meluluskan Akta Persaingan pada 2010 yang bertujuan mencegah penubuhan institusi kartel dan amalan perdagangan tidak sihat serta mengalakkan persaingan bebas seperti di Amerika Syarikat.

Persaingan yang sihat memberi manfaat kepada ekonomi. Pelaksanaan Akta Persaingan ini boleh mewujudkan suasana positif dalam dunia perniagaan di negara ini.

NASARUDDIN ARSHAD

Bekas pensyarah ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Telur ayam berkurangan

ORANG ramai mencari telur ayam di sebuah kedai runcit di Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Kartel kembali bermaharajalela

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**

arif.aiman@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Ketika Deepavali bakal menjelang dan rakyat

Bunuh induk sekat bekalan

di seluruh negara dan situasi semakin meruncing apabila banyak kedai mamak tidak lagi menjual roti canai telur kerana terputus bekalan.

bagi 10 biji.

Kekurangan bekalan kedua-dua bahan makanan yang berlaku di hampir semua negeri itu didakwa berpunca daripada

UTUSAN
Malaysia
18 Oktober
2022.



22 OCT, 2022

Kerajaan perlu agresif kuat kuasa Akta Persaingan 2010

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ISU kartel kembali menjadi fokus setelah muka depan Utusan Malaysia pada 18 Oktober lalu menyiarkan berita kartel ayam dan telur kembali sibuk mencatu bekalan kedua-dua bahan keperluan itu sehingga menyukarkan orang ramai dan peniaga. Masalah kekurangan bekalan makanan asas itu sama ada ayam segar atau telur berlaku di seluruh negara dan situasi semakin meruncing apabila banyak kedai mamak tidak lagi menjual roti canai telur kerana terputus bekalan.